

STAGEO FILM-COATED TABLETS 100MG

Sitagliptin 100mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Stageo
2. Bagaimana Stageo berfungsi
3. Sebelum menggunakan Stageo
4. Cara menggunakan Stageo
5. Semasa menggunakan Stageo
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Stageo
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Stageo

Stageo (sitagliptin phosphate) ialah tablet yang mengandungi 100 mg sitagliptin sebagai bahan aktif.

- Stageo dapat memperbaiki aras insulin selepas makan.
- Stageo mengurangkan jumlah gula yang dihasilkan oleh badan.
- Stageo bertindak apabila gula darah beraras tinggi, terutamanya selepas makan. Inilah masanya tubuh sangat memerlukan bantuan untuk menurunkan gula darah.
- Stageo juga mengurangkan gula darah antara waktu makan.
- Stageo dengan sendirinya tidak mungkin menyebabkan gula darah rendah (hipoglisemia) kerana ia tidak berkesan apabila gula darah anda rendah.

Bagaimana Stageo berfungsi

Stageo tergolong dalam kelas ubat makan yang digelar perencat DPP-4 (perencat dipeptidil peptidase-4) yang menurunkan paras gula darah pesakit diabetes melitus jenis 2. Diabetes jenis 2 juga dipanggil diabetes melitus yang tidak bergantung pada insulin (*non-insulin-dependent diabetes mellitus* atau *NIDDM*).

Sebelum mengambil Stageo

Bila tidak boleh mengguna

Jangan makan Stageo jika anda alah terhadap mana-mana ramuan Stageo.

Sebelum mula mengguna

Maklumkan doktor anda jika anda sedang menghidap atau pernah menghidap:

- Diabetes Jenis 1
- Ketoasidosis diabetik (peningkatan keton dalam darah atau air kencing)

- Masalah pada ginjal (buah pinggang), atau masalah kesihatan yang lepas atau yang masih sedang dihadapi.
- Tindak balas alahan terhadap Stageo.
- Batu hempedu, kebergantungan alkohol atau paras trigliserida (sejenis lemak) yang sangat tinggi dalam darah anda.
Keadaan perubatan ini boleh meningkatkan risiko anda mendapat pankreatitis.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Stageo mungkin boleh diambil dengan kebanyakan ubat. Maklumkan doktor anda tentang semua ubat yang anda ambil. Ubat-ubat ini termasuk ubat preskripsi dan bukan preskripsi serta suplemen herba.

Secara khusus, maklumkan doktor anda: Jika anda sedang mengambil digoxin (sejenis ubat yang digunakan untuk merawat degupan jantung yang tidak teratur dan masalah jantung lain). Paras digoxin dalam darah anda mungkin perlu diperiksa sekiranya anda sedang mengambil digoxin dengan Stageo.

Cara menggunakan Stageo

Berapa banyak harus digunakan dan Bila perlu digunakan

Ambil Stageo betul-betul seperti yang telah ditetapkan oleh doktor anda. Dos pengambilan yang disyorkan adalah:

- Sebiji tablet 100 mg
- Sekali sehari
- Dimakan bersama-sama atau tanpa makanan.

Jika anda mengalami masalah buah pinggang, doktor anda akan menetapkan dos yang lebih rendah.

Doktor anda boleh menetapkan pengambilan Stageo bersama-sama dengan ubat tertentu lain yang menurunkan gula darah.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Stageo selagi mana yang ditetapkan oleh doktor anda supaya gula darah anda boleh dikawal dengan sewajarnya.

Diet dan senaman boleh membantu badan anda menggunakan gula darah dengan lebih baik. Penting untuk mengikut arahan diet, senaman dan program penurunan

berat badan yang disyorkan oleh doktor anda semasa mengambil Stageo.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlepas satu dos, ambilnya sebaik sahaja anda mengingatnya. Jika anda tidak ingat sehingga tiba masa untuk dos anda yang seterusnya, langkau dos yang terlepas itu dan kembali ke jadual dos biasa anda. Jangan gandakan pengambilan dos Stageo.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil dos Stageo lebih daripada yang ditetapkan, hubungi doktor anda dengan segera.

Semasa menggunakan Stageo

Perkara yang harus dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda yang anda sedang mengambil Stageo. Maklumkan doktor anda dengan segera jika anda disahkan hamil semasa mengambil ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan hentikan pengambilan ubat melainkan atas nasihat doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Stageo kepada orang lain, walaupun mereka mengalami gejala atau keadaan seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Kes radang pankreas (pankreatitis) telah dilaporkan pada pesakit yang menerima Stageo.

Pankreatitis boleh menjadi masalah perubatan yang serius dan berpotensi mengancam nyawa. Hentikan pengambilan Stageo dan hubungi doktor anda jika anda mengalami sakit perut yang serius dan berterusan, dengan atau tanpa muntah-muntah, kerana anda boleh mengalami pankreatitis.

Sejenis tindak balas kulit, iaitu *bullous pemphigoid* yang mungkin memerlukan rawatan di hospital, pernah dilaporkan berlaku pada pesakit yang menerima

STAGEO FILM-COATED TABLETS 100MG

Sitagliptin 100mg

Stageo. Maklumkan doktor anda jika anda mengalami lepuh atau kerosakan kulit anda (hakisan). Doktor anda mungkin memberitahu anda untuk berhenti mengambil Stageo.

Kegunaan pada kanak-kanak

Stageo tidak berkesan pada kanak-kanak dan remaja yang berumur 10 hingga 17 tahun yang menghidap diabetes jenis 2. Stageo masih belum dikaji pada kanak-kanak yang berumur bawah 10 tahun.

Kegunaan pada warga emas

Dalam beberapa kajian, Stageo berfungsi dengan baik dan diterima dengan baik oleh pesakit dewasa yang lebih tua. Penyesuaian dos berdasarkan umur tidak perlu dilakukan.

Kegunaan pada kehamilan dan menyusu badan

Wanita yang hamil atau merancang untuk hamil harus berunding dengan doktor mereka sebelum mengambil Stageo. Stageo tidak disyorkan untuk digunakan semasa tempoh kehamilan.

Tidak diketahui sama ada Stageo meresap masuk ke dalam susu ibu. Anda tidak boleh menggunakan Stageo jika anda sedang menyusu badan atau merancang untuk menyusu badan.

Bolehkah saya memandu atau mengendalikan mesin/jentera semasa menggunakan Stageo?

Tiada maklumat yang mencadangkan bahawa Stageo menjejaskan keupayaan anda untuk memandu kereta atau mengendalikan mesin/jentera

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat preskripsi, Stageo boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan. Kesan-kesan sampingan biasanya ringan dan tidak menyebabkan pesakit berhenti mengambil Stageo. Kesan-kesan sampingan pada pesakit yang dirawat dengan Stageo adalah sama dengan kesan-kesan sampingan pada pesakit yang dirawat dengan tablet yang tidak mengandungi ubat (plasebo).

Apabila Stageo digunakan secara gabungan dengan ubat sulfonilurea atau dengan insulin, gula darah rendah dengan gejala (hipoglisemia) disebabkan oleh

sulfonilurea atau insulin boleh berlaku. Dos ubat sulfonilurea atau insulin yang lebih rendah mungkin diperlukan.

Apabila Stageo telah digunakan secara gabungan dengan insulin, kesan-kesan sampingan tambahan berikut telah dilaporkan:

- Selesema (Influenza)
- Sakit kepala

Apabila Stageo dan metformin telah dimulakan pengambilan bersama, kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Cirit-birit
- Ketakcernaan
- Kembung perut
- Muntah-muntah
- Sakit kepala

Apabila Stageo dan pioglitazone telah dimulakan pengambilan bersama, kesan sampingan penurunan sukatan gula darah tanpa gejala hipoglisemia telah dilaporkan.

Apabila Stageo telah digunakan secara gabungan dengan metformin dan rosiglitazone, kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Sakit kepala
- Gula darah rendah dengan gejala (hipoglisemia)
- Cirit-birit
- Jangkitan saluran pernafasan bahagian atas
- Loya
- Batuk
- Jangkitan kulat pada kulit
- Bengkak pada tangan dan kaki
- Muntah-muntah

Kesan-kesan sampingan tambahan telah dilaporkan dalam penggunaan umum dengan Stageo tanpa gabungan ubat lain dan/dengan ubat diabetes lain:

- Tindak balas alahan, yang mungkin serius, termasuk ruam, gatal-gatal dan bengkak pada muka, bibir, lidah dan tekak yang boleh menyebabkan kesukaran bernafas atau menelan. Jika anda mengalami tindak balas alahan, hentikan pengambilan Stageo dan hubungi doktor anda dengan serta-merta.

Doktor anda mungkin menetapkan ubat untuk merawat tindak balas alahan anda dan ubat lain untuk diabetes anda.

- Radang pankreas.
- Masalah buah pinggang (kadang-kadang memerlukan dialisis).
- Jangkitan saluran pernafasan bahagian atas.
- Hidung tersumbat atau berair dan sakit tekak.
- Sembelit.
- Muntah-muntah.
- Sakit kepala.
- Sakit sendi.
- Sakit otot.
- Sakit lengan atau kaki.
- Sakit belakang.
- Kegatalan.
- Lepuh.
- Pengurangan kiraan platelet.

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang luar biasa, atau jika sebarang kesan sampingan yang diketahui tidak hilang atau menjadi semakin teruk.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet cembung biasa berwarna beige, bulat dengan logo jantung pada satu sisi

STAGEO FILM-COATED TABLETS 100MG

Sitagliptin 100mg

dan polos pada sebelah lagi, diameter 10.0mm.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Sitagliptin Phosphate Monohydrate
- Bahan tidak aktif
Microcrystalline Cellulose-PH200,
Dicalcium Phosphate Anhydrous,
Croscarmellose Sodium,
Microcrystalline Cellulose-PH102
Magnesium Stearate, Hydroxypropyl
Methylcellulose Compound Mix,
Colour Pigment Yellow, Colour
Pigment Red.

MAL number

MALxxxxxxxxAZ

Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

29/01/2026

Nombor siri

NPRA(R2) 25/005